


Prihatin


Berita SPANCO Januari 2004

CABARAN 2004

SPANCO BERSEDIA



PENGERUSI
Mej Jen (B) Dato'
Osman Mohd Zain




KINI KAMI LEBIH DEKAT DENGAN ANDA

Pusat Servis Wilayah SPANCO, Puchong sudah berpindah ke Bangi mulai 15 Disember 2003.

Kini Pusat Servis Wilayah, Bangi terletak 10 km dari Pusat Pentadbiran Persekutuan, Putrajaya dengan laluan masuk yang lebih mudah.

Untuk sebarang masalah kenderaan, anda dialu-alukan supaya menghantarnya ke Pusat Servis Wilayah kami yang terbaru ini.



PUSAT SERVIS SPANCO SDN. BHD.

No.33, Jalan P/21, Taman Perindustrian Selaman,
Seksyen 10, Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor
Tel: 03-89201990 / 1992



PRIHATIN
JANUARI 2004

KANDUNGAN

- 4 Cabaran dan tindakan 2004: Tingkat mutu servis jadi keutamaan **RENCANA KHAS**
- 6 Sikap buruk pemandu kekal punca utama nahas jalan raya **KESELAMATAN**
- 8 15 penjagaan kenderaan jamin pemanduan selamat **PENJAGAAN KERETA**
- 10 Tahun 2003: Kecurian kenderaan bertambah buruk **PERLINDUNGAN**
- 11 Kereta SPANCO turut jadi mangsa banjir
- 12 **SARI PERISTIWA**
- 14 1,500 naskhah Prihatin edisi khas merdeka untuk sekolah **KHABAR PRIHATIN**
- 15 SPANCO serah RM33,000 kepada balu mangsa kemalangan
- 16 Teknologi canggih kenderaan jadi cabaran SPANCO **SERVIS**
- 17 2004: SPANCO tingkat servis ikut ISO
- 18 Perancangan 2004 Servis: Pemantauan PSD dipertingkatkan
- 19 Prostat: Ancaman kronik tidak disedari lelaki **KESIHATAN**
- 20 Perdana V6 baru lebih bergaya, harganya lebih rendah **TEKNOLOGI**
- 22 **RELAKS**



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Hamzah Mohd Salleh

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

PENGARANG
Rozita Dawan
Mohd Wazir Ahmad Kassim

PENCETAK
Percetakan Lai Sdn Bhd

Sila alamatkan segala pandangan, komen dan sumbangan anda ke :
Sidang Redaksi Prihatin - Berita SPANCO
SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
2, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, 51100 Kuala Lumpur
Tel : 03-6253 2888 Fax : 03-6253 6230
emel : prihatin@spanco.com.my

PRIHATIN - BERITA SPANCO bersedia menerima sebarang bentuk sumbangan karya sama ada rencana atau kartun. Tips pemanduan dan penjagaan kereta adalah sangat dialu-alukan.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon penulis. Sidang Redaksi berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Perutusan Daripada Ketua Eksekutif SPANCO

5 BUDAYA CEMERLANG PERLU DITELADANI

TANPA keupayaan menahan, tahun 2003 berlalu meninggalkan kita. Bagi warganegara Malaysia, peralihan kuasa pucuk kepimpinan negara adalah kemuncak peristiwa 2003. Proses itu berjalan lancar tanpa masalah sekali gus menunjukkan kematangan politik pemimpin negara ini.

Membuka tirai tahun baru, ucapan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kelima di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara, pada 9 Januari 2004 adalah tepat sekali pada masanya.

Dalam amanat dan azam tahun baru itu, beliau merumuskan lima budaya kerja cemerlang yang perlu diteladani untuk mencapai matlamat perkhidmatan awam yang bertaraf antarabangsa iaitu:

- pertama, mengamalkan ciri kepimpinan yang baik;
- kedua, merintis perubahan minda dan sikap positif dalam usaha mencapai kecemerlangan;
- ketiga, meningkatkan pembangunan sumber manusia untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berilmu pengetahuan;
- keempat, menggalakkan budaya kerja berteraskan prestasi; dan
- kelima, sentiasa berpegang kepada etika moral yang tinggi dalam menjalankan tugas.

Walaupun ditujukan khusus untuk seluruh jentera sektor awam namun sektor swasta seperti SPANCO turut mahu mengambil teladan daripada amanat berkenaan. Justeru, sama-samalah kita berusaha mempraktikkan saranan Perdana Menteri itu dalam amalan dan kerja seharian kita ke arah mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh kepimpinan sebelum ini.

Mengenai majalah PRIHATIN - Berita SPANCO, perubahan susun atur dilakukan seperti yang pembaca dapat lihat pada keluaran kali ini. Ia bagi menyuntik semangat baru pada pembaca dan majalah ini. Kami cuba sedaya akan memaparkan rencana yang lebih terkini terutama berkaitan dunia pemotoran serta pelbagai panduan untuk dimanfaatkan oleh pembaca semua.


Sama-sama kita berdoa semoga 2004 memberi ruang kehidupan yang harmoni, selamat dan makmur.

**Hamzah
Mohd Salleh**



Cabaran dan tindakan 2004

Tingkat mutu servis jadi keutamaan



KERAJAAN memutuskan untuk mengkaji semula perjanjian konsesi berhubung pengendalian pengurusan fleet oleh SPANCO Sdn Bhd yang ditandatangani menjangkau 10 tahun.

Dalam berhadapan dengan isu kajian semula itu, SPANCO memberi reaksi terhadap permintaan Kerajaan dengan menyesuaikan semula perkhidmatan yang disediakan. Memandangkan perkhidmatan sepanjang 10 tahun itu dirasakan adalah yang terbaik yang diberikan kepada Kerajaan, SPANCO tidak perlu bimbang dan berputus asa kerana kami sudah cukup bersedia menghadapi apa jua keputusan yang bakal ditentukan kelak.

Sementara menunggu keputusan itu, SPAN-

CO tidak hanya berpeluk tubuh dan mendiagnosis diri. Cabaran mendatang harus dihadapi selain tahap servis yang terbaik diteruskan.

PRIHATIN mengimbas cabaran yang bakal dihadapi dan pelan tindakan 2004.

Cabaran utama ialah mengkaji tindakan SPANCO sebagai susulan kajian semula perjanjian konsesi yang mana tindakan bakal dilaksanakan mesti bersesuaian dengan permintaan Kerajaan, di samping memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

Selain itu, SPANCO perlu mengoptimumkan peluang untuk berkembang kesan daripada perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA). Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, awal 2004

mengumumkan struktur harga baru kereta import yang melenyapkan ketidakpastian kalangan pemain industri automotif sebelum itu.

Pengumuman struktur harga terbaru itu semestinya memberi kesan besar kepada pengguna dan syarikat yang terbabit dalam industri automotif seperti SPANCO.

Sementara itu, SPANCO terus cergas membantu Kerajaan menangani peningkatan kadar kemalangan yang kini menjadi antara isu utama semua pihak. Justeru, SPANCO akan menjalin kerjasama lebih erat dengan badan keselamatan seperti Majlis Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan polis dalam menangani masalah itu.

Kursus Pemanduan Berhemah yang pernah

SPANCO akan terus meningkatkan pencapaian bagi menjamin mutu servis selaras Rancangan Peningkatan Berterusan ISO termasuk selepas memperoleh pengiktirafan ISO 9001:2000.



dilaksanakan oleh SPANCO sebelum ini akan dikaji semula supaya ia memberi lebih impak kepada peserta iaitu pelanggan SPANCO. Seterusnya, program itu diharap membantu melengkapkan usaha Kerajaan dalam mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Sebagaimana entiti dan sektor lain, SPANCO turut menghadapi cabaran dalam meningkatkan mutu khidmat yang dibekalkan terutama mutu kereta. Untuk itu, SPANCO akan memaklumkan kepada pengilang (PROTON) mengenai maklum balas yang diterima daripada pengguna iaitu pelanggan SPANCO dalam usaha meningkatkan kualiti kereta yang dibekalkan.

Dalam usaha meningkatkan mutu servis, SPANCO menumpu kepada aspek peralatan,

lokasi, tahap keselesaan dan hubungan pelanggan selain memperketatkan pemantauan terhadap rangkaian Pusat Servis Diiktiraf (PSD).

Dari segi peralatan, kelengkapan pusat servis dipertingkatkan seiring dengan perkembangan teknologi pemotoran. Manakala dari segi lokasi pula, peta taburan PSD akan dikaji dan disusun semula supaya lebih tertumpu ke kawasan yang mempunyai kepadatan pelanggan yang tinggi seperti di Lembah Klang dan Putrajaya.

Sementara itu, SPANCO turut membuat perancangan memindahkan operasi ke Batu Caves bagi menyatukan Ibu Pejabat dan Pusat Servis Wilayah (PSW) di bawah satu bumbung. Integrasi dua bahagian utama itu dan pemindahan PSW Puchong ke Bangi pada

Disember 2003 bertujuan memberi lebih kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan.

Daripada penguraian di atas, jelaslah SPANCO sudah cukup bersedia menghadapi 2004 dengan jayanya. Pengerusi SPANCO, Mej Jen (B) Dato' Osman Mohd Zain berkata: "Kami kini cukup yakin dapat menangani apa jua cabaran yang bakal dihadapi tahun ini dan mengekalkan tahap perkhidmatan cemerlang kami kepada Kerajaan."

Ketua Eksekutif, Encik Hamzah Mohd Salleh menambah: SPANCO akan terus meningkatkan pencapaian bagi menjamin mutu servis selaras Rancangan Peningkatan Berterusan ISO termasuk selepas pengiktirafan ISO 9001:2000 yang diperolehi lebih setahun lalu.

Sikap buruk pemandu kekal punca utama nahas jalan raya

oleh Nor Azhan Haji Abdul

Tragedi tetap berlaku sepanjang sambutan Aidilfitri lalu, apabila bilangan kemalangan yang tinggi dicatatkan iaitu 751 kes, dengan 210 kes kemalangan maut sepanjang tempoh Ops Sikap V di seluruh negara.



ANGKA Ops Sikap V menunjukkan kempen mulai 20 November 2003 iaitu sebelum Aidilfitri, tidak menampakkan kesan positif. Berdasarkan statistik Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MJKR) Bahagian Darat, kereta adalah kenderaan utama menyumbang kepada kemalangan kerana jumlahnya semakin meningkat.

Begitu juga nasib kenderaan SPANCO yang tidak terlepas daripada tragedi berkenaan. Sepanjang tempoh Ops Sikap V dilancarkan sehinggalah tamat, sebanyak 20 kes kemalangan dilaporkan membabitkan kenderaan SPANCO. Daripada 20 kes itu, dua kenderaan dicadangkan untuk dilupuskan kerana mengalami kerosakan teruk pada struktur kerangka selepas masing-masing terbabas (OD) dan melanggar kenderaan yang lain (TPP).

Kebanyakan jenis kemalangan yang diadukan oleh pengguna kenderaan SPANCO dalam laporan polis adalah seperti berikut:

■ **Own Damage (OD)**

- **Parking Damage (PD)**
- **Third Party Property (TPP)**
- **Knock For Knock (KFK)**

Membuat Laporan

Sekiranya pemandu terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan teruk atau kematian, dia hendaklah MELAPORKAN SENDIRI kemalangan itu dalam tempoh 24 jam.

Beberapa maklumat berikut perlu diambil kira ketika membuat aduan polis:

- Tarikh, masa dan tempat kejadian (tanda nyata atau 'landmark' boleh digunakan bagi menggambarkan tempat kejadian).
- Pihak yang terbabit (catatkan nombor pendaftaran, jenis dan warna kenderaan).
- Kerosakan kenderaan, kecederaan mangsa yang terbabit (termasuk kematian) dan kerosakan harta awam.
- Maklumat yang diperolehi hasil pengamatan kelima-lima pancaindera pengadu sebelum, semasa dan selepas kejadian (Jangan sama sekali membuat andaian).

- Diingatkan supaya setiap pemandu tidak membuat sebarang pengakuan liabiliti mengenai kejadian tersebut.
- Jika melibatkan kecederaan parah/teruk atau kematian terhadap pemandu, *Liaison Officer* (LO) atau pegawai yang berkenaan hendaklah membuat laporan polis. Pemandu itu boleh membetulkan laporan polis yang dibuat oleh LO atau pegawai berkenaan apabila beliau berupaya berbuat demikian supaya lebih lengkap dan sempurna.

Mengikut Seksyen 104 Akta Pengangkutan Jalan 1987, setiap kes kemalangan jalan raya sama ada serius atau tidak, adalah menjadi tanggungjawab pengadu untuk memaklumkan kejadian itu kepada syarikat insurans bagi membolehkan tuntutan dibuat di bawah sesuatu polisi.

Secara umumnya, kemalangan jalan raya berlaku mungkin berpunca daripada beberapa sebab utama seperti struktur jalan, kerosakan mekanikal kenderaan, sistem jalan raya dan kemanusiaan. Bagaimanapun, nampaknya



TRAGIS... Bagi 2003, dua kemalangan maut melibatkan kenderaan SPANCO yang meragut enam nyawa iaitu tiga di Jalan Saratok-Sarikei dan tiga di Kilometer 425.2 Lebuhraya PLUS.

sejak kebelakangan ini punca kemalangan daripada aspek kemanusiaan melebihi daripada punca lain.

Sebenarnya sebilangan besar pemandu kita berhemah dan mematuhi peraturan jalan raya. Tetapi itu tidak memadai kerana bilangan mereka yang tidak berhemah dan sering melanggar peraturan juga masih ramai sehingga mengancam pengguna lain. Ramai akur bahawa masalah utama di jalan raya adalah tingkah laku serta sikap buruk pemandu kenderaan itu sendiri. Kemalangan membabitkan sebuah bas sekolah dan sebuah bas ekspres di Kilometer 68 Jalan Kuala Lipis-Merapoh, amat tragis dan memilukan apabila 14 penumpang terkorban. Ia harus membuka mata dan minda semua pihak bahawa kecuai-an atau tabiat buruk pemandu boleh mence-tuskan tragedi!

Bagi menyokong usaha Kerajaan mengu-rangkan kadar kemalangan, beberapa langkah perlu diambil oleh setiap pemandu yang diper-tanggungjawab mengendalikan sesebuah kenderaan, antaranya:

Kemalangan membabitkan sebuah bas sekolah dan sebuah bas ekspres di Kilometer 68 Jalan Kuala Lipis-Merapoh, amat tragis dan memilukan apabila 14 penumpang terkorban.

- Kikis sikap terburu-buru.
- Kikis sikap mementingkan diri sendiri.
- Kikis sikap menunjuk lagak dan seolah-olah 'akulah raja jalan raya'.
- Tumpuan yang lebih ketika memandu.
- Memandu mengikut peraturan dan bukan perasaan.
- Pastikan diri cukup bersedia untuk melalui sebarang perjalanan jauh.
- Sentiasa memandu di lorong sebelah kiri sekiranya tidak memotong.

Jika sikap dan persediaan itu gagal diikuti oleh seseorang pemandu, maka matlamat Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalan-


gan di jalan raya tidak akan tercapai sekali gus statistik kemalangan tidak akan menurun.

Jika diteliti dari sudut undang-undang, Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, memperuntukkan hukuman penjara antara dua dan 10 tahun serta lesen memandu digantung bagi pemandu yang disabitkan kesalahan memandu secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian. Pemandu itu juga boleh didenda antara RM5,000 dan RM20,000.

Justeru, pemandu kenderaan sendirilah yang dapat menentukan nasib diri dan penumpang yang dibawa sama ada selamat atau mengalami nahas di jalan raya!

15

Penjagaan kenderaan jamin pemanduan selamat



1 Bateri

Selalunya kuasa bateri akan cepat habis dalam cuaca sejuk atau lembap. Kenderaan mungkin tidak dapat dihidupkan sekiranya anda mengabaikan penjagaan bateri.



2 Pembersih cermin hadapan

Cecair pembersih adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan air biasa untuk membersihkan cermin hadapan daripada debu, garam, gris dan kotoran apabila memandu dalam cuaca buruk.

3 Tangki minyak setengah atau lebih

Memandu dengan tangki minyak yang penuh adalah lebih selamat jika ingin melakukan perjalanan jauh atau memandu di kawasan yang anda kurang pasti. Ia juga dapat menjimatkan masa jika anda sesat atau tidak dapat mencari stesen minyak.



Kenderaan yang diselenggara dengan baik adalah antara jaminan pemanduan selamat. Malah, kebanyakan negara juga menetapkan hukuman bahawa memandu kenderaan bermasalah adalah satu kesalahan besar.

Pemasangan peralatan keselamatan canggih seperti beg angin dan brek anti-kunci pula tidak sama sekali boleh dijadikan alasan untuk pemandu mengabaikan sikap berhemah dan beretika di jalan raya.



4 Penyah kabus

Penting dalam cuaca sejuk yang boleh mengakibatkan bahagian dalam cermin berkabus. Alat penyah kabus membantu pemanduan yang selesa.

5 Lampu hadapan / belakang

Lampu yang terang dapat menjamin keselamatan terutama pada waktu malam. Ia membantu anda melihat jalan di hadapan dan pemandu lain melihat anda.



6 Kabel loncat

Amat mustahak sekiranya bateri anda mati. Ia membantu mengecas bateri dan menghidupkan kenderaan. Pasang kabel dengan tertib dan pada posisi yang betul untuk mengelak letupan atau kebakaran: sambungkan kabel merah dari terminal positif bateri yang tidak bercas ke terminal positif bateri yang bercas. Kabel hitam pula disambungkan dari terminal negatif bateri yang bercas ke terminal negatif bateri yang tidak bercas.

10 Pengelap cermin

Periksa pengelap cermin anda tiga bulan sekali dan pastikan ia berfungsi dengan baik terutama pada waktu hujan lebat.

11 Lampu kecemasan

Hidupkan lampu kecemasan jika anda berhenti di lorong kecemasan.

12 Telefon selular

Ia adalah alat penting sekiranya berlaku kecemasan.

Pastikan anda menyimpan senarai nombor kecemasan seperti polis, trak penunda, kelab motor dan sebagainya. Talian bebas tol 24 jam SPANCO ialah 1-800-88-6999.



13 Brek anti kunci


Sistem Brek anti kunci (ABS) mengelakkan tayar daripada terkunci apabila membrek secara mengejut. ABS mengepam brek secara automatik sehingga 18 kali sesaat apabila pemberhentian kecemasan dilakukan. Apabila pemandu menekan pedal brek dengan kuat, sistem ini secara automatik menyelaraskan modul brek, atau memberi tindakan 'mengepam' kepada setiap tayar untuk mengelakkan tayar terkunci. Ia membolehkan kenderaan diberhentikan dengan baik.

14 Lampu kabus

Posisinya yang lebih rendah daripada lampu hadapan menjadikan lampu kabus begitu penting untuk memberikan penglihatan jalan raya yang lebih baik. Jangan gunakan lampu cerah atau tinggi apabila melalui kawasan berkabus kerana kabus akan memantulkan cahaya, seterusnya menyilaukan penglihatan.


15 Kit kecemasan

Pastikan anda mempunyai satu kit kecemasan di dalam kenderaan seperti peralatan perubatan, lampu suluh, bateri, mancis, lilin dan sebagainya.




7 Tayar

Pastikan angin tayar mencukupi. Tayar yang terlebih atau kurang angin akan mengurangkan kecekapan, kuasa cengkaman dan kestabilan kenderaan ketika bergerak. Tayar ganti juga mesti dalam keadaan baik.




8 Lampu isyarat dan brek

Lampu isyarat dan brek yang berfungsi dengan baik akan mengurangkan risiko kemalangan. Lampu isyarat membantu pemandu lain melihat arah pergerakan kenderaan anda. Lampu brek pula memberitahu pemandu lain bahawa anda sedang memperlambatkan kenderaan. Justeru, ia memberi masa untuk kenderaan di belakang menjarakkan kenderaan mereka.



9 Anti beku/penyejuk

Bahan penyejuk yang tidak mencukupi boleh menyebabkan enjin terlampau panas dalam cuaca yang tidak menentu. Pastikan anda memeriksa radiator hanya apabila enjin kenderaan berada dalam keadaan sejuk. Tahap bahan penyejuk mesti antara paras minimum dan maksimum pada tangki simpanan.



TAHUN 2003 Kecurian kenderaan bertambah buruk

oleh Nor Azhan Haji Abdul

Kecurian kenderaan makin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini dan kenderaan mewah terus menjadi sasaran utama pencuri. Tidak kira di mana kenderaan diletakkan, ia tetap menarik perhatian penjenayah.

KENDERAAN kepunyaan SPANCO tidak terkecuali daripada menjadi sasaran pencuri. Berdasarkan rekod kecurian membabitkan kenderaan SPANCO sepanjang 2003, lima kes berlaku membabitkan empat kes Proton Perdana V6 dan satu kes Proton Wira 1.5GL i (M).

Berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh pengadu, tiga kes kenderaan hilang selepas diletakkan di hadapan rumah manakala satu di tempat letak kereta di pekarangan pejabat kerajaan dan satu lagi di tempat letak kereta awam.

Ada beberapa tempat dikenal pasti kerap berlaku kes kecurian kenderaan:


- Tempat letak kereta awam.
- Kompleks beli-belah.
- Di hadapan rumah dan tepi jalan.
- Tempat letak kereta di hotel.

Kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor berlaku kecurian kenderaan, antaranya:

- Kenderaan tidak dikunci.
- Tiada kunci tambahan.
- Meletakkan kenderaan di tempat terpencil atau gelap.
- Meninggalkan barang berharga di dalam kenderaan.

Justeru, langkah pencegahan perlu diambil oleh pengguna bagi mengelakkan kenderaan mereka dicuri, termasuk:

- Jangan sekali-kali meninggalkan kenderaan dengan enjin masih hidup walaupun sebentar. Cabutkan kunci dan simpan.
- Pasangkan alat pencegah kecurian dan pastikan ia berfungsi dengan sempurna.
- Mengukir (*sandblasting*) nombor kenderaan pada cermin depan, belakang dan tingkap.



- Kunci semua pintu dan tutup cermin kereta setiap kali meninggalkannya walaupun sekejap.
- Keluarkan semua barang berharga dari dalam kenderaan atau simpan di tempat menyimpan barang supaya tidak

kelihatan dari luar.

- Elakkan meletak kenderaan di tempat terpencil atau gelap.
- Jangan tinggalkan tiket '*parking*' dalam kenderaan ketika diletakkan di tempat meletak kenderaan di pusat beli-belah, pasar raya atau di mana-mana saja.
- Jangan tinggalkan kunci kenderaan kepada pencuci atau penjaga kereta. Hantar kereta kepada bengkel yang dikenali untuk dibaiki.
- Bunyikan alat penggera kenderaan setiap kali terjaga pada waktu malam sebagai tanda anda sentiasa mengawasi kenderaan itu.

W Ketika membuat aduan di balai polis mengenai kes kecurian, pengaduan mesti dibuat dengan padat dan lengkap. Antara fakta penting yang diperlukan ialah:

- Apakah kes atau kejadian yang hendak dilaporkan.
- Nyatakan tarikh dan masa berlaku kejadian itu.
- Nyatakan tempat kejadian seperti nama bandar, kampung, jalan dan nombor rumah.
- Nyatakan maklumat orang terbabit atau disyaki sekiranya ada saksi yang melihat dan sebagainya. Adakah mereka dikenali atau tidak.
- Nyatakan cara atau bagaimana kes itu berlaku atau jenayah itu dilakukan.
- Nyatakan akibat daripada kes itu seperti kerosakan, kerugian dan kecederaan yang dialami.

Oleh itu, sama-samalah kita membendung jenayah ini daripada terus berlaku. Ingat, sikap berhati-hati dan berwaspada serta langkah keselamatan yang diambil mampu mengurangkan kes kecurian kenderaan.



Sentiasa mengunci kenderaan walaupun meninggalkannya sekejap.



Ukir nombor pendaftaran pada cermin depan, belakang dan tingkap.



Kunci gear sebelum meninggalkan kenderaan.



PENGUNCI STERENG... satu lagi alat anti kecurian yang mudah dipasang.

Kereta SPANCO turut jadi mangsa banjir

DALAM kesibukan menangani masalah kemalangan dan kecurian kenderaan, kita lupa mengenai kejadian alam yang mengundang bencana iaitu banjir.

Pada 10 Jun 2003 lalu, warga Kuala Lumpur bagai 'berpesta air' apabila kebanyakan lokasi dan jalan utama di ibu kota ditenggelami banjir. Puluhan ribu orang terjejas kerana kenderaan awam dan persendirian terkandas dalam banjir berkenaan.

Tarikh itu juga menunjukkan betapa bencana banjir mampu menggugat sistem pengaliran dan saliran di sekitar Kuala Lumpur. Dalam kejadian itu juga dilaporkan banyak kenderaan pengangkutan awam dan persendirian terkandas atau ditenggelami banjir termasuk enam kes yang dilaporkan memabatkan kenderaan SPANCO.

Ini menjadikan jumlah kes bertambah kepada tujuh bagi sepanjang 2003 yang mana satu kes pada 1 Februari 2003 di Kuching, Sarawak. Daripada tujuh kes itu, tiga kenderaan dilupuskan kerana ditenggelami air lebih daripada dua hari.

Rekod SPANCO menunjukkan, kes itu memabatkan tiga model kenderaan iaitu empat unit Proton Wira 1.5GLi (M), dua unit Proton Perdana V6 dan seunit Wira 1.6XLi (A). Kebanyakan kenderaan SPANCO berkenaan diletakan di tempat letak kereta bawah tanah (*basement parking*) yang alat pam air gagal berfungsi ketika banjir berlaku dan ditambah lagi hari itu adalah cuti hujung minggu.

Kejadian itu dapat dielakkan sekiranya pengguna mengambil berat mengenai:

- Peka kepada keadaan cuaca semasa.
- Peka kepada nasib kenderaan di bawah penyaliaannya.
- Mengubah kenderaan ke tempat lebih selamat jika berlaku hujan lebat.
- Mengenal pasti tempat yang sering dinaiki air.
- Jangan meredah jalan yang dinaiki air.
- Elakkan kereta terendam di dalam air (minta bantuan untuk menolak kereta keluar dari dalam banjir).



Kebanyakan kenderaan SPANCO berkenaan diletakan di tempat letak kereta bawah tanah (*basement parking*) yang alat pam air gagal berfungsi ketika banjir berlaku dan ditambah lagi hari itu adalah cuti hujung minggu.

SARI PERISTIWA

TAHUN 2003 melabuhkan tirai dengan meninggalkan pelbagai peristiwa dan kenangan pahit manis kepada kita semua. SPANCO tidak terkecuali apatah lagi pada 2003 kerajaan mengambil keputusan untuk mengkaji semula perjanjian konsesi yang ditandatangani dan dipersetujui bersama SPANCO pada 1994. Walaupun kajian semula diputuskan namun SPANCO tetap meneruskan aktivitinya terutama yang membabitkan kepentingan dan keselesaan pelanggan. Berikut ialah antara aktiviti yang sempat dirakamkan oleh lensa kami sepanjang 2003.



Cawangan Khas PDRM membuat lawatan ke Ibu Pejabat dan Pusat Servis SPANCO pada 7 Mei 2003.



PDRM mendengar penerangan Unit Kawalan Penyenggaraan semasa lawatan.



Taklimat Pengurusan Fleet di Kementah kali kedua pada 15 Februari 2003.



Taklimat di Jabatan Pertanian pada 15 April 2003.



Cawangan Khas PDRM melawat Pusat Servis SPANCO semasa Taklimat Pengurusan Fleet.



Encik Azahari Md Lazim, Penolong Pengurus Unit Kawalan Penyenggaraan semasa taklimat di Kompleks Kewangan, Putrajaya pada 20 Mac 2003.



Taklimat Pengurusan Fleet kali pertama di Kementah pada 25 Januari 2003.



Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Encik Yaacob Wan Ibrahim (duduk tengah) dan kakitangannya bergambar bersama rakan sekerja SPANCO sempena kunjungan ke pejabat itu pada 29 Ogos 2003.



Eksekutif Khidmat Pelanggan – Bahagian Operasi, Puan Salini Idris (kanan) bergambar bersama Dato' Paduka Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir di Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang diadakan di Istana Budaya pada 6 Disember 2003.



Masni Abu Bakar, balu kepada Allahyarham Lans Koperal Khalid Suhaili menerima sumbangan di majlis penyerahan cek di Kuching, Sarawak pada 9 Ogos 2003.



Rakan sekerja SPANCO bergambar kenangan bersama Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Hajah Siti Zaharah Haji Sulaiman di majlis sambutan hari raya kementeriannya yang diadakan di PWTC pada 7 Disember 2003.

1,500 naskhah Prihatin edisi khas merdeka untuk sekolah

Edisi Khas Merdeka 2003



PRIHATIN EDISI KHAS MERDEKA mengandungi maklumat mengenai sejarah sebelum kemerdekaan dan perjuangan menuntut kemerdekaan daripada British. Selain itu, ia memaparkan maklumat mengenai kemajuan dan pencapaian Malaysia sehingga menempa nama di persada antarabangsa.



Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Encik Yaacob Wan Ibrahim (kiri) menerima naskhah khas PRIHATIN dari Ketua Eksekutif SPANCO, Encik Hamzah Mohd Salleh, sambil diperhatikan oleh Pengurus Operasi Puan Rozita Dawan dan Eksekutif Fleet, Encik Ahmad Huraish Mohd Hanifah.

SPANCO tidak ketinggalan dalam usaha membantu kerajaan menyemarakkan semangat patriotisme dengan mengedarkan 1,500 naskhah majalah PRIHATIN EDISI KHAS MERDEKA kepada sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ketua Eksekutif SPANCO, Encik Hamzah Mohd Salleh, menyerahkan secara rasmi naskhah majalah itu kepada Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Encik Yaacob Wan Ibrahim, dalam satu majlis sederhana di ibu pejabat jabatan itu, 29 Ogos 2003.

Beliau berkata, harapan SPANCO ialah supaya PRIHATIN EDISI KHAS MERDEKA itu dapat sekurang-kurangnya memberi kesedaran pelajar mengenai sejarah pahit-getir perjuangan negara menuntut kemerdekaan.

"Secara ringkas, edisi khas ini memupuk

perasaan cinta dan harmoni rakyat berbilang kaum terhadap negara," katanya.

Encik Hamzah berkata, sumbangan itu adalah selaras dengan visi syarikat iaitu sebagai rakan dalam pembangunan negara dan warga korporat yang prihatin serta bertanggungjawab.

PRIHATIN EDISI KHAS MERDEKA mengandungi maklumat mengenai sejarah sebelum kemerdekaan dan perjuangan menuntut kemerdekaan daripada British. Selain itu, ia memaparkan maklumat mengenai kemajuan dan pencapaian Malaysia sehingga menempa nama di persada antarabangsa.

Bahagian akhir majalah itu mendedahkan serba sedikit mengenai SPANCO dan bagaimana syarikat pengurusan fleet kerajaan itu memainkan peranan dalam menyumbang ke arah pembangunan negara.

SPANCO serah RM33,000 kepada balu mangsa kemalangan



SAYU... Tiga balu mangsa kemalangan maut Jalan Saratok-Sarikei yang hadir di majlis penyerahan cek.



Rokia Iren, balu kepada Allahyarham Roslan Bujang menerima sumbangan cek SPANCO yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Polis Sarawak, Dato' Mohd Fauzi Shaari.

SPANCO menyerahkan tiga cek bernilai RM11,000 setiap satu kepada tiga balu mangsa kemalangan maut yang berlaku pada Mei 2003 lalu.

Sumbangan cek diserahkan oleh Ketua Eksekutif SPANCO, Encik Hamzah Mohd Salleh, kepada Ketua Pegawai Polis Sarawak, Dato' Mohd Fauzi Shaari, yang menerima bagi pihak balu mangsa kemalangan pada satu majlis di Mess Pegawai Kanan Polis DiRaja Malaysia, Kuching, Sarawak, Ogos 2003.

Encik Hamzah berkata, kehilangan nyawa adalah tragedi yang sangat memilukan dan tiada yang dapat menggantikannya.

"Namun kami berharap supaya sumbangan yang kecil ini setidak-tidaknya dapat meringankan beban yang dialami oleh keluarga mangsa," katanya.

Cek kemudian disampaikan kepada balu dua anggota polis dan seorang ketua kerani Polis DiRaja Malaysia yang terkorban apabila kenderaan yang mereka naiki bertembung sebuah lori askar di Jalan Saratok-Sarikei, pada 27 Mei 2003.

Balu yang menerima sumbangan itu ialah Masni Abu Bakar, isteri kepada Allahyarham Lans Koperal Khalid Suhaili, 34; Saniah Dahalan, isteri kepada Allahyarham Lans

SPANCO, kata Encik Hamzah, membeli polisi insurans kemalangan pemandu dan penumpang kereta SPANCO yang berjumlah hingga RM10,000 setahun untuk maksimum lima orang.

Koperal Hipni Fozi, 34 dan Rokia Iren, isteri kepada ketua kerani Allahyarham Roslan Bujang Ibrahim, 40.

SPANCO, kata Encik Hamzah, membeli polisi insurans kemalangan pemandu dan penumpang kereta SPANCO yang berjumlah hingga RM10,000 setahun untuk maksimum lima orang. Tambahan RM1,000 lagi yang diterima oleh balu mangsa adalah untuk menanggung kos pengebumian.

Setakat ini, SPANCO membekalkan lebih 4,600 kenderaan yang semuanya dilindungi polisi insurans kemalangan.

Selain sumbangan balu mangsa kemalangan Jalan Saratok-Sarikei, SPANCO turut menghulurkan bantuan kepada waris tiga mangsa kemalangan di Kilometer 425.2 Lebu Raya Utara-Selatan yang berlaku pada 24 Disember

2003.

Sumbangan cek dengan nilai yang serupa diserahkan kepada Noor Rizal Zakaria, suami kepada mangsa Allahyarhamah Noor Junaizar Zakaria; Noorsariza Saad, balu kepada Allahyarham Shahrul Hafizi Hashim, dan Aisyah Abdullah, balu kepada Allahyarham Mohd Kamal Mamat.

Dalam kejadian itu, sebuah Toyota Unser dari arah Ipoh telah terbabas sebelum melambung dan menghempap Proton Wira yang berada di laluan bertentangan.

Ketiga-tiga mangsa yang berada dalam kereta milik SPANCO itu adalah anggota Unit Penguat kuasa Maritim Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Lumut, Perak dan sedang dalam perjalanan pulang setelah menjalankan tugas di Kuala Lumpur.

Teknologi canggih kenderaan jadi cabaran SPANCO

KENDERAAN era kini yang menggabungkan teknologi kejuruteraan automotif serta teknologi maklumat dan komunikasi serba canggih, menjanjikan cabaran besar kepada rakan sekerja SPANCO.

Justeru, untuk memenuhi keperluan itu, khidmat berkualiti daripada SPANCO memerlukan tenaga pekerja mahir dan sentiasa menguasai ilmu terbaru dalam bidang diceburi.

Menyedari hakikat itu, Program Pembangunan Kemahiran Teknikal dilaksanakan oleh SPANCO bagi meningkatkan kemahiran rakan sekerja secara berkala dari semasa ke semasa.

Kemahiran rakan sekerja SPANCO perlu dipertingkatkan sesuai dengan perkembangan teknologi pemotoran yang begitu pesat.

SPANCO setakat ini menyediakan pelbagai latihan dalaman mahupun luaran untuk membangunkan kemahiran rakan sekerja seperti Kursus Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan kelas teknikal yang dianjurkan secara berjadual.

Aktiviti MLVK setakat ini hanya terbuka kepada rakan sekerja SPANCO mulai 2000.

Sehingga 2003, empat kumpulan berjaya menjalani Kursus MLVK Tahap I yang dikendalikan di Pusat Servis Wilayah (PSW) di Segambut, Kuala Lumpur.

Kumpulan keempat terdiri daripada tujuh mekanik iaitu enam dari PSW Segambut dan seorang dari PSW Puchong.


Dengan tamatnya kumpulan keempat itu menjalani kursus, 90 peratus mekanik SPANCO kini mempunyai sijil MLVK Tahap I. Ini membuktikan komitmen yang diberikan oleh SPANCO dalam meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan kepada kerajaan.

Bagi aktiviti 2004, dijadualkan rakan sekerja yang berjaya menjalani Kursus MLVK Tahap I sebelum ini akan meneruskan penga-

jian seterusnya iaitu Tahap II.

Di samping kursus itu, SPANCO akan meneruskan kelas bimbingan untuk kumpulan kakitangan teknikal. Kelas yang dikendalikan dua kali sebulan itu meliputi kemahiran diagnostik iaitu mengenal pasti kerosakan.

Selain menjalani kelas bimbingan, mereka akan turut dihantar ke Akademi Saga dari semasa ke semasa bagi mengemas kini kemahiran teknikal sejajar dengan kepesatan perkembangan teknologi pemotoran seperti yang diperkatakan sebentar tadi.



Di samping kursus MLVK, SPANCO akan meneruskan kelas bimbingan untuk kumpulan kakitangan teknikal. Kelas yang dikendalikan dua kali sebulan itu meliputi kemahiran diagnostik iaitu mengenal pasti kerosakan.



AKTIVITI 2004... Rakan sekerja yang berjaya menjalani kursus MLVK Tahap I akan meneruskan pengajian ke Tahap II.



2004: SPANCO tingkat servis ikut ISO

SPANCO akan terus meningkatkan pencapaian bagi menjamin mutu servis selaras dengan Rancangan Peningkatan Berterusan ISO termasuk selepas sebagaimana pengiktirafan melalui ISO 9001:2000, demikian tekad dan azam syarikat untuk sepanjang 2004.

Antara langkah yang akan diambil ialah memperkenalkan sistem tempahan melalui SMS bagi memudahkan pelanggan SPANCO menetapkan waktu penyenggaraan kenderaan mereka. Khidmat SMS itu adalah lanjutan daripada sistem tempahan yang diperkenalkan oleh SPANCO di Pusat Servis Wilayah.

Selain itu, SPANCO akan melakukan kaji selidik terhadap tahap perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan. Melalui kaji selidik yang akan dilakukan oleh sebuah badan bebas itu, tahap servis dapat dinilai sama ada pelanggan berpuas hati atau sebaliknya.

SPANCO juga akan menelefon pelanggan selepas tiga hari servis dilakukan bagi mendapatkan maklum balas.

Dalam usaha berkaitan, SPANCO Workshop Floor System (SWFS) akan diperkenalkan selaras dengan Rancangan Peningkatan Berterusan ISO.

SWFS adalah satu sistem yang melicinkan tugas pembaikan dan penyenggaraan kereta di pusat servis melalui penggunaan teknologi



maklumat dan komunikasi (ICT).

SWFS akan dihubungkan dengan Sistem Integrasi Maklumat Berkomputer (SIKOM) iaitu sebuah sistem pengurusan fleet bersepadu yang digunakan sejak 1996 yang menggabungkan operasi kewangan, penyenggaraan, insurans kereta terpakai dan pajakan.

Dengan penggabungan SWFS dan SIKOM, SPANCO kini maju setapak lagi dalam penggunaan peralatan analisis yang mampu membekalkan maklumat menyeluruh kereta konsesi secara 'real time'.

Matlamat muktamad SPANCO ialah supaya pelanggan dapat menikmati perkhidmatan bermutu melalui penggunaan ICT.

SPANCO berjaya memperbaharui taraf pengiktirafan daripada ISO 9002:1994 kepada ISO 9001:2000 sejak lebih setahun lalu. Berbeza ISO 9002, ISO 9001 lebih meliputi keperluan dan kepentingan pelanggan.

Bagi 2003, badan pengiktirafan kualiti dunia itu menjalankan dua audit sistem kualiti di Pusat Servis Wilayah SPANCO di Segambut iaitu pertama pada 2 Jun dan kedua pada 10 Disember.


Apa yang membanggakan, SPANCO lulus dalam kedua-dua audit itu. Wakil badan pengiktirafan ISO, United Kingdom, UKAS Quality Management berpuas hati dengan tahap perkhidmatan yang disediakan oleh SPANCO dengan memenuhi semua kriteria ditetapkan.



Antara langkah yang akan diambil ialah memperkenalkan sistem tempahan melalui SMS bagi memudahkan pelanggan SPANCO menetapkan waktu penyenggaraan kenderaan mereka. Khidmat SMS itu adalah lanjutan daripada sistem tempahan yang diperkenalkan oleh SPANCO di Pusat Servis Wilayah.



Perancangan 2004 Servis: Pemantauan PSD dipertingkatkan



TABURAN PSD TERKINI...
Untuk kemudahan pelanggan,
pelantikan PSD tertumpu di
kawasan kepadatan fleet
SPANCO yang tinggi.

PUSAT Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh negara akan disusun semula mengikut taburan fleet sekurang-kurangnya pada tahap 80 peratus, demikian antara rancangan Bahagian Servis SPANCO untuk 2004. Melalui penyusunan semula itu bermakna kebanyakan PSD mesti dipilih dari kawasan di mana pelanggan tertumpu.

Bahagian Servis juga merancang menerbitkan buku panduan PSD sekurang-kurang dua kali setahun iaitu pada Mac dan September bagi membekalkan senarai PSD yang lengkap serta terkini kepada pelanggan.

Rancangan ketiga 2004 ialah memperketat kriteria pemilihan PSD iaitu dari segi kepakaran dan kemahiran selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi pemotoran.

Selain itu, SPANCO menetapkan PSD supaya memiliki lesen perniagaan sah di samping perlu menyediakan insurans yang melindungi harta pelanggan sekali gus kenderaan pelanggan yang diletakkan di premis PSD akan lebih terjamin.

Perkara kelima yang dirancang pada 2004 ialah pegawai kanan SPANCO akan melakukan lawatan ke PSD secara berkala dan akan dipertingkatkan bagi memantau mutu perkhidmatan



PUSAT SERVIS DIIKTIRAF... PSD adalah pusat servis yang dilantik oleh SPANCO untuk mengendalikan kerja-kerja pembaikan kenderaan fleet.

yang disediakan kepada pelanggan SPANCO.

PSD ialah pusat servis terpilih yang dilantik oleh SPANCO sebagai ejen untuk mengendalikan kerja pembaikan kenderaan fleet konsesi.

Setakat November 2003, terdapat 241 PSD di seluruh Malaysia. Bagi menyediakan khidmat yang cekap dan prihatin kepada kerajaan, SPANCO sejak ditubuhkan sentiasa melakukan pemantauan terhadap tahap kualiti perkhidmatan PSD terbabit.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah rakan sekerja melakukan lawatan kerja ke PSD dari semasa ke semasa.

Selain itu, SPANCO menganjurkan program Konvensyen PSD di mana wakil PSD dari seluruh negara dijemput melawat Pusat Servis Wilayah SPANCO di Segambut.

Sambil melawat, rakan sekerja SPANCO dan wakil PSD dapat bertemu serta beramah mesra sekali gus dapat meningkatkan hubungan kerja dan silaturahim sesama mereka.

Bagaimanapun, berikutan kajian semula yang dilakukan oleh Kerajaan terhadap perjanjian konsesi, pihak pengurusan SPANCO mengambil langkah untuk mengganung aktiviti bersama PSD bagi 2003.

Namun begitu, walaupun kajian semula sedang dilaksanakan, SPANCO tidak berkompromi dalam membekalkan servis yang bermutu tinggi kepada semua pelanggan.

Lawatan ke PSD di seluruh negara masih dilakukan tetapi tidak sekerap seperti tahun sebelumnya. Kebanyakan lawatan dilakukan oleh Bahagian Operasi SPANCO di mana program bersua pelanggan disatukan dengan aktiviti melawat PSD.

Konvensyen PSD pula dihentikan sama sekali bagi penyusunan semula strategi setelah keputusan kajian semula perjanjian konsesi diketahui kelak.

Prostat

Ancaman kronik tidak disedari lelaki

Kelenjar prostat terletak di bawah pundi kencing dan bersebelahan rektum. Fungsinya cukup besar. Ia jarang menimbulkan masalah pada usia muda dan satu-satunya kelenjar yang membezakan seorang lelaki dengan wanita. Ia sebahagian daripada organ sistem reproduktif dan sistem kencing lelaki.

RAMAI lelaki tidak tahu kedudukan sebenar kelenjar prostat mereka kecuali hanya disedari apabila ia 'menggugat' ketenteraman hidup terutama ketika seseorang lelaki mencecah 'usia emas'. Keadaan lebih buruk apabila rata-rata beranggapan masalah prostat sebahagian proses penuaan.

Sebenarnya, masalah prostat sebagai sejenis penyakit yang boleh dirawat dan komplikasinya dapat dicegah. Namun lazimnya pesakit lewat mendapatkan rawatan selepas berdepan pelbagai komplikasi termasuk kegagalan buah pinggang atau pundi kencing berfungsi serta mengalami jangkitan kuman secara berulang, kencing berdarah atau komplikasi batu karang.

Di Asia, dianggarkan 50 hingga 59 peratus kes prostat membabitkan warga tua.

Tiga masalah utama kelenjar prostat ialah *Benign hyperplasia prostate* (BPH); barah prostat; dan radang prostat.


■ Benign prostatic hiperplasia (BPH)

Ketika seorang bayi baru dilahirkan, saiz prostatnya hanya sebesar kacang tanah. Tumbesaran kelenjar ini bermula pada peringkat baligh, sehingga individu terbahit mencecah usia 20-an. Ia kekal dengan saiz yang sama dalam tempoh beberapa tahun. Bagaimanapun, berlaku perubahan hormon setelah individu terbahit melangkaui usia 40- apabila kelenjar prostat mula membesar.

Ketika itu, saiznya yang sebesar sebiji langsung menjadi sebesar ciku. Keadaan ini lebih dikenali sebagai *benign prostatic hyperplasia* (BPH).

Benign adalah satu keadaan yang bermaksud bukan barah. *Hyperplasia* bermaksud pembrebaran secara berlebihan sekali gus mengaki-

SISTEM PEMBIAKAN LELAKI



Penghidapnya berasa tidak selesa dan mengalami beberapa gejala seperti sukar membuang air kecil; terpaksa meneran apabila membuang air kecil; aliran kencing tidak lancar atau terputus-putus; kencing tidak lawas; dan tidak berupaya membuang air kecil.

batkan diameter uretra menjadi sempit dan aliran air kencing terganggu.

Penghidapnya berasa tidak selesa dan mengalami beberapa gejala seperti sukar membuang air kecil; terpaksa meneran apabila membuang air kecil; aliran kencing tidak lancar atau terputus-putus; kencing tidak lawas; dan tidak berupaya membuang air kecil.

Rawatan BPH bergantung kepada tahap keseriusannya. Bagi yang sederhana, memadai dengan ubat-ubatan. Rawatan pembedahan secara teropong hanya dilakukan untuk kes yang serius.

■ Barah prostat (*cancer prostat*)

Tidak seperti BPH yang mana tumbesaran kelenjar ini bersifat setempat, dalam sesetengah kes barah ini boleh merebak ke bahagian tubuh lain. Sesetengah pesakit dikesan melarat ke tulang hingga membahayakan nyawa. Masalah ini dapat dirawat sekiranya barah bersifat setempat. Justeru, pengesanan awal penting bagi menangani masalah ini.

■ Radang prostat (*prostatitis*)

Jangkitan dikatakan berpunca daripada kuman yang menyebabkan prostat mengalami radang. Selain ketidaklancaran air kencing, pesakit mengalami demam, seram sejuk, sakit ketika kencing serta sakit antara buah zakar dan dubur.

Rawatan banyak bergantung kepada punca. Sekiranya disebabkan jangkitan kuman akut, rawatan segera dan secara agresif dengan ubat antibiotik perlu dilakukan. Jika dibiarkan, ia boleh membahayakan nyawa kerana kuman dikhuatiri merebak ke dalam darah (septicaemia). Ubat-ubatan antibiotik, mengawal radang dan kaunseling antara strategi untuk menangani radang prostat kronik.

Perdana V6 standard: Selain model standard terdapat juga versi V6 Eksekutif.

PERDANA V6 **BARU**

LEBIH BERGAYA, HARGANYA LEBIH RENDAH

Bahang persaingan industri automotif tempatan kian terasa apabila PROTON mengumumkan akan melancarkan tiga model baru untuk 2004, menggantikan model-model terdahulu. Sementara menunggu pelancaran yang dinanti-nantikan itu, PRIHATIN berbicara tentang salah satu model popular kereta nasional itu dengan lebih mendalam.

SEKALI imbas memang saling tidak tumpah apabila ramai peminat kereta membuat perbandingan Proton Perdana V6 'face-lift' dengan 'Alfa Romeo' kereta sport Itali yang terkemuka itu.

Perbandingan yang dimaksudkan adalah logo Proton yang menyerupai paruh Alfa Romeo di bahagian muncung kereta. Bagaimanapun, kita boleh membuat rumusan bahawa ia sebenarnya hasil evolusi Proton di alaf baru, bermula dengan Waja hingga kepada Perdana V6 versi sebelum ini.

Perdana V6 baru mengambil masa 18 bulan untuk dibangunkan dan dilaporkan menelan kos beberapa juta ringgit. Pembaharuan tertumpu kepada penalaan semula sistem gantungan yang dilakukan oleh Lotus Engineering, anak syarikat PROTON.

Selain pengubahsuaian pada sistem gantungan, ciri kejuruteraan Perdana V6 pada dasarnya tidak berubah. Perubahan umumnya dari segi



Muncung berbentuk paruh dan bampar yang lebih lebar menonjolkan gaya sporti V6.

kosmetik yang mana komponen baru disesuaikan dengan ruang sedia ada seperti lampu depan dan belakang, selain perubahan pada kemasannya.

Sumber memberitahu, ada 25 perubahan pada Perdana V6 baru iaitu 12 di bahagian luar, 11 di dalam dan dua pada sistem gantungan.

Seperti dikatakan, muncung Perdana V6 mengingatkan kita pada paruh Alfa, yang mana logo memeluk ke bawah hingga membenam ke dalam bampar. Reka bentuk itu menonjolkan gaya yang lebih berani sesuai dengan imej sporti V6.

Sementara bampar yang baru pula lebih lebar dan rendah, untuk bentuk lebih aerodinamik. Bagi mengurangkan kesan calar pada bampar akibat geselan dengan tembok, tiang atau kenderaan lain, lapisan pelindung terdapat pada setiap bucu.

Selain itu, tayar 16 inci dipadankan dengan rim sport 5-jejari yang berbeza daripada rim sport pada model terdahulu.

Bahagian belakang memenuhi cita rasa trend masa kini. Tiga mentol dalam bekas lampu masing-masing berfungsi sebagai lampu belakang, brek dan isyarat. Di tengah-tengah pula ialah kemasannya yang mana lampu undur terletak selain tulisan 'PERDANA' warna krom

Sistem gantungan ditala oleh Lotus Engineering, menghasilkan pengendalian dan imbalan yang lebih mantap.



Panel peralatan berkonsepkan kemasan titanium dan kulit.



Lampu belakang brek dan isyarat memenuhi cita rasa trend masa kini.



Tayar 16 inci dipdankan dengan rim sports 5-jejari.

dipamerkan.

Perdana V6 baru dijual dengan empat pilihan warna iaitu *Midnight Blue*, *Silk*, *Brown Mica* dan *Deep Red*.

■ BAHAGIAN DALAM

Di bahagian kabin, secara keseluruhan coraknya lebih cerah berbanding Perdana sebelum ini, seperti panel peralatan yang putih dan berkonsepkan kemasan titanium serta kulit.

Bahagian bawah konsol peralatan di tengah-tengah juga terdapat sentuhan titanium yang mana tuil gear dikelilingi dengan kemasan itu. Begitu juga stereng 4-jejari yang berpusatkan gelang titanium dan logo Proton terpamer di situ.

Bahagian pintu pula berkonsepkan kemasan perak dan kulit. Upholsteri kulit adalah standard, lembut tetapi tidak terlalu licin. Kulit juga terdapat dengan agak banyak sekali pada panel pintu dan bahagian kabin lain.

Di bahagian tempat duduk belakang, sandaran tangan yang baru dilengkapi bekas pemegang cawan apabila dibuka, tersedia untuk keselesaan penumpang.

■ GANTUNGAN

Perubahan pada gantungan empat roda bebas dilakukan bagi memperbaiki kendalian dan imbalan terutama dalam pergerakan mendadak seperti menukar lorong. Lotus Engineering, pakar dalam sistem gantungan diberi tugas oleh PROTON bagi menala sistem gantungan Perdana baru.

Kejuruteraan Lotus Engineering mampu

menawarkan pengawalan yang lebih baik seperti dibuktikan dengan Satria GTI suatu ketika dulu.

Sistem brek pula terdiri daripada ceper alih udara di depan dan ceper padu di belakang serta dilengkapi Sistem Brek Anti Kunci (ABS).

Enjin DOHC V6 menghasilkan kuasa sebanyak 110kW/150 bhp pada 6750 rpm dan daya kilas (tork) 179 Nm pada 4000 rpm. Kelajuan maksimum pula adalah 205 km sejam sama seperti model Perdana sebelum ini.

■ PENGENDALIAN

Pembaharuan sistem gantungan depan dan belakang oleh Lotus Engineering menghasilkan Perdana V6 versi baru dengan pacuan lebih licin dan stabil terutama ketika mengambil selekoh.

Pemandu juga dapat merasakan lebih keyakinan apabila menukar lorong kerana kestabilannya.

Selain bunyi enjin V6 lebih senyap, bentuk bampar versi baru yang lebih aerodinamik dipercayai mengurangkan bunyi bising disebabkan pergerakan angin dari luar. Keseluruhannya, pemanduan adalah lebih senyap dan selesa sesuai dengan imej kereta mewah yang ditampilkan.

Perdana V6 versi baru dijual pada harga lebih rendah berbanding versi terdahulu iaitu RM98,961.94 di Semenanjung Malaysia.

Selain V6 standard, terdapat V6 Eksekutif yang mempunyai sedikit kelainan iaitu lebih panjang di samping kemasan dalaman lebih eksklusif dan rim sport yang lebih menarik.




Tempat duduk kulit dan sandaran tangan.

Pembaca budiman,

Kita bertemu kembali dalam ruangan ini setelah sekian lama menyepi.

Teka Silang Kata yang menguji minda pembaca tidak ditampilkan di dalam dua edisi PRIHATIN – Berita SPANCO sebelum ini kerana tiada ruang diperuntukkan di dalam edisi khas menyambut kemerdekaan dan edisi khas menyambut Aidilfitri.

Bagaimanapun Teka Silang Kata akan kembali menemui pembaca semula dalam setiap keluaran akan datang jika keadaan mengizinkan. Sidang redaksi akan cuba menyediakan soalan-soalan yang lebih mencabar dan menarik dalam setiap keluaran khusus untuk santapan pembaca-pembaca yang setia bersama majalah ini. Jangan lupa, hadiah misteri menanti 20 peserta pertama yang mengemukakan jawapan yang tepat.



BORANG PENYERTAAN

NAMA : _____

ALAMAT : _____

TELEFON : _____

Tarikh akhir penyertaan ialah
15 Mac 2004.

Alamatkan kepada :

Sidang Redaksi
PRIHATIN
SPANCO SDN BHD
(172957-U)
2, Jalan Murai Dua
Kompleks Batu
51100 Kuala Lumpur

Keputusan adalah muktamad. Sidang Redaksi berhak menolak mana-mana penyertaan yang mengandungi butiran yang tidak lengkap atau tidak terang.

Melintang

1. *Torque* (Bahasa Melayu, dua perkataan).
2. Kelenjar prostat adalah sebahagian daripada organ sistem _____ lelaki.
3. Kemalangan tragis mengorbankan 14 penumpang yang membabitkan sebuah bas sekolah dan sebuah bas ekspres tahun lepas berlaku di Kilometer 68 Jalan Kuala Lipis-_____.
4. Dalam istilah perubatan, bermaksud bukan barah.
5. Khidmat ini adalah lanjutan daripada sistem tempahan yang diperkenalkan oleh SPANCO di Pusat Servis Wilayah.
6. Berapakah jumlah maksimum individu yang dilindungi oleh polisi insurans kemalangan pemandu dan penumpang kereta SPANCO?
7. Jika ingin memeriksanya pastikan enjin kenderaan berada dalam keadaan sejuk.
8. Pakar dalam sistem gantungan yang diberi tugas oleh PROTON bagi menala sistem gantungan Perdana V6 baru.
9. Untuk menghindari kenderaan daripada terkandas atau ditenggelami banjir, elakkan tempat yang sering _____ air.

Menegak

5. PRIHATIN EDISI KHAS MERDEKA mengandungi maklumat mengenai _____.
10. Pandulah mengikut peraturan dan bukan _____.
11. Alat _____ penting dalam keadaan cuaca sejuk yang mengakibatkan cermin dalam berkabus (dua perkataan).
12. Kuasanya cepat habis dalam cuaca sejuk atau lembap.
13. Untuk mencegah kenderaan dari dicuri, jangan tinggalkan benda ini dalam kereta ketika meletakkannya di tempat letak kereta di pusat beli-belah, pasar raya atau di mana-mana saja.
14. Sistem di SPANCO yang melicinkan tugas pembaikan dan penyenggaraan serta menyediakan maklumat status kerja setiap kenderaan di pusat servis secara serta-merta.
15. Pusat Servis Diiktiraf (PSD) perlu menyediakannya supaya harta pelanggan dilindungi sekali gus kenderaan pelanggan yang diletakkan di premis PSD akan lebih terjamin.
16. Sejak ditubuhkan, SPANCO sentiasa melakukan _____ terhadap tahap kualiti perkhidmatan Pusat Servis Diiktiraf.
17. Kelas bimbingan untuk kumpulan kakitangan teknikal SPANCO meliputi kemahiran _____.

We drive ourselves harder

Ours is a case of persistence. What started as a dream to bring the first national car into every home have brought us further. In our constant quest for growth and diversification, we have now expanded from automotive to banking, property development to general trading and manufacturing.

Today, as one of Malaysia's largest conglomerate, we have what it takes to propel Malaysia towards Vision 2020. An ability we attribute to years of careful planning and relentless efforts.

At EON we believe in outdoing ourselves. We drive ourselves harder.



MS ISO 9001 REG. NO. AR 2926

**EDARAN OTOMOBIL
NASIONAL BERHAD (119767-X)**
HOLDING COMPANY AND
SUPER DEALER OF PROTON
VEHICLES AND AFTER SALES

**AUTOMOTIVE CONVERSION
ENGINEERING SDN BHD (203300-X)**
SPECIALISING IN CONVERSION
AND MODIFICATION OF PROTON CARS

**EUROMOBIL
SDN BHD (596498-M)**
DISTRIBUTOR OF VOLKSWAGEN
AND AUDI AUTOMOBILES

**PROTON PARTS
CENTRE SDN BHD (242610-A)**
WAREHOUSING AND DISTRIBUTION
OF MOTOR VEHICLE SPARE PARTS

EON CAPITAL BERHAD (454644-K)
OFFERING COMPLETE BANKING
AND FINANCIAL SERVICES

EON TRADING SDN BHD (218090-W)
CAR ACCESSORIES AND CAR CARE
PRODUCTS FOR PROTON OWNERS

EON PROPERTIES SDN BHD (211978-W)
PROPERTY DEVELOPMENT
AND MANAGEMENT SERVICES

**EONMOBIL
SDN BHD (628270-M)**
MEGA DEALER OF
INOKOM PRODUCTS

**SRT-EON SECURITY
SERVICES SDN BHD (86334-X)**
SPECIALISING IN PROVIDING
SECURITY SERVICES

**JOHNSON CONTROLS AUTOMOTIVE
HOLDING (M) SDN BHD (114130-M)**
ASSEMBLY AND MANUFACTURING
OF CAR SEATS AND VARIOUS
INTERIOR PARTS

**LEONG & COMPANY
SDN BHD (8789-P)**
STOCK-BROKING
FIRM

EON

(119767-X)

DRB-HICOM

Jangan biarkan
tragedi
menimpa
keluarga anda



Jadikan Keselamatan Amalan Hidup Kita

Ikhlas daripada  **SPANCO**